



## RESIDENSI PORT DICKSON DIJANGKA SIAP PADA SUKU KEEMPAT 2023

**PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN 19 JUN:** Residensi Port Dickson, Negeri Sembilan telah mencapai status kemajuan pembinaan sebanyak 87% setakat 31 Mei 2023 dan dijangka siap pada suku keempat 2023. Projek ini merupakan sebuah projek perumahan yang dibangunkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

“Hasil usaha gigih pihak PR1MA dan kontraktor serta ‘Task Force’ Projek Sakit di bawah KPKT, pembinaan Projek Sakit ini telah kembali lancar. Ribuan terima kasih saya ucapkan atas usaha dan komitmen dalam memastikan penyiapan projek Residensi Port Dickson ini”, kata YAB Dato’ Seri Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan ketika sidang media yang diadakan semasa Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim *Rent To Own* (RTO) di PPR Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Projek Residensi Port Dickson menghadapi kelewatan dari tarikh siap asal disebabkan pelbagai faktor. Antaranya termasuk kerja-kerja pembinaan yang tertangguh selama hampir dua tahun akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), serta masalah yang dihadapi oleh kontraktor asal, Knowledge Estate Sdn. Bhd. PR1MA juga telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Vertex Central Industries Sdn. Bhd. bagi menyiapkan projek ini setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian yang berkenaan.

Selain itu, pembinaan residensi ini juga terkesan oleh isu yang melanda industri pembinaan susulan pandemik COVID-19 seperti kenaikan harga bahan binaan di antara 20% hingga 30% dan kekurangan bahan binaan seperti jubin, besi keluli serta jubin atap. Isu kekurangan tenaga buruh tempatan dan asing turut menjadi isu kritikal pasca pandemik dan masih berlarutan sehingga kini.

PR1MA telah membuat pembayaran awal Sebahagian Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (PLAD) berjumlah RM849,342 kepada 107 pembeli residensi ini mengikut Klausa 26 (2) Perjanjian Jual Beli untuk mengurangkan beban kewangan akibat kelewatan projek ini.

Projek Residensi Port Dickson ini terdiri daripada 659 unit rumah, di mana sebanyak 581 unit atau 88 peratus daripadanya sudah terjual setakat 31 Mei 2023. Unit-unit ini merangkumi keluasan 1,535 hingga 1,577 kaki persegi, dengan harga jualan di antara RM241,056 sehingga RM365,490 setiap unit.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

## **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:**

### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)